

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[SELAYANG]**  
**TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan mengapa banyak percubaan terdahulu kepada pemulihan/penstrukturan semula Malaysia Airline Berhad gagal dan sama ada Kerajaan mencadangkan untuk membiayai semula, menjual atau menutup syarikat penerbangan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum ini Malaysia Airlines System (MAS) telah melalui pelbagai fasa penstrukturan semula termasuklah penstrukturan semula MAS melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU) pada tahun 2002, pelaksanaan *Business Turnaround Plan 1* – BTP1 pada tahun 2006 dan seterusnya *Business Turnaround Plan 12*– BTP2 pada tahun 2008. Susulan pelaksanaan BTP1 dan BTP2, MAS telah mencatatkan keuntungan mulai pada tahun 2007 sehingga 2010.

Walau bagaimanapun, MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos

bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan *impairment* pesawat (*freighter*) dan peruntukan stok usang. Sehubungan itu, pelan pemulihan MAS telah dilancarkan pada 29 Ogos 2014 yang merangkumi pelan penstrukturan semula secara menyeluruh dalam membina semula industri penerbangan negara.

Berdasarkan pelan pemulihan ini, MAS telah distruktur semula kepada Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang ditubuhkan pada 1 September 2015 sebagai subsidiari Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB). MAGB dimiliki sepenuhnya 100% oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kerajaan tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam MAGB. Sehubungan itu, sebarang cadangan pengambilalihan mahupun penstrukturan semula MAGB dan MAB adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Khazanah.

Berikutan penularan Wabak Covid-19 dan seterusnya tindakan pengawalan pergerakan yang dikuatkuasakan secara langsung telah memberi kesan teruk kepada perkhidmatan pengangkutan udara serta pemulihan syarikat-syarikat penerbangan di seluruh dunia. MAGB kini sedang merumuskan suatu rancangan pemulihan bagi mengatasi kemelut yang melanda. Khazanah, sebagai pemegang sahamnya pula akan terus bekerjasama dengan MAGB dan Kerajaan untuk mengenal pasti penyelesaian strategik terbaik bagi syarikat penerbangan negara tersebut.

Sekian, terima kasih.